

TEROWONG DASAR LAUT

Perhalusi pertindihan projek dengan NBCT

Kuala Lumpur: Kajian kebolehlaksanaan projek terowong dasar laut di Pulau Pinang dalam usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas di negeri itu ketika ini masih di peringkat penelitian.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata, kerajaan negeri memperhalusi beberapa perkara antaranya pembesaran Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT) yang mem-babitkan jajaran projek berkenaan.

“Kerajaan negeri masih dalam penelitian menga-mbil kira pembesaran pe-labuhan NBCT yang mem-babitkan jajaran projek

terbabit kerana ia mem-babitkan kepentingan ra-mai pihak khususnya Su-ruhanjaya Pelabuhan Pu-lau Pinang (SPPP).

“Perkara ini kerana ter-dapat pertindihan jajaran terowong dengan cada-ngan pembesaran NBCT secara berfasa oleh pihak SPPP dan kajian Pelan In-duk Pembesaran NBCT terbabit memerlukan per-timbangan secara menye-luruh oleh kerajaan negeri bagi hala tuju peranca-ngan seterusnya.

“Projek ini hanya dimu-lakan selepas perancangan jajaran diselesaikan,” ka-tanya melalui jawapan bertulis yang disiarkan di laman web Parlimen.